



SIARAN MEDIA

KAJI SELIDIK DAN MAKLUMBALAS MENGENAI BELANJAWAN MPS 2025

Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kini dalam proses merangka belanjawan bagi tahun 2025 dan satu kaji selidik Belanjawan MPS 2025 telah disediakan bagi tujuan mendapatkan maklum balas serta pandangan daripada penduduk di bawah pentadbiran MPS. Maklum balas dan pandangan daripada penduduk ini amatlah diperlukan bagi memastikan belanjawan yang bakal dirangka dapat memenuhi keperluan stakeholder MPS dan disediakan secara komprehensif.

Soalan maklumbalas merangkumi pandangan prestasi semasa kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada penduduk serta harapan (*wishlist*) masyarakat kepada MPS. Sebagai menghargai masyarakat yang menyertai maklumbalas ini, MPS turut menawarkan wang tunai RM100 untuk 20 responden yang bertuah.

Sehubungan dengan itu, MPS mempelawa orang ramai untuk mengemukakan cadangan dan maklum balas melalui borang di atas talian (online) di laman sosial media MPS serta laman web MPS di www.mps.gov.my mulai 1 - 29 Mac 2023.

MPS berharap penduduk dibawah pentadbiran MPS dapat mengambil peluang ini untuk memberikan idea dan cadangan bagi memastikan Belanjawan MPS 2025 dapat disediakan mengikut keperluan warga MPS. Untuk sebarang pertanyaan lanjut hubungi MPS di talian 03-6126 5800 atau layari www.mps.gov.my

#TAMAT

Dikeluarkan Oleh:

Mohamad Zin Bin Masoad, A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

B.P.

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

4 Mac 2024



KAJI SELIDIK

BELANJAWAN 2025 MPS

MPS kini dalam proses merangka belanjawan MPS untuk tahun 2025. Pandangan serta input dari anda sebagai penduduk Selayang adalah amat penting untuk kami bagi memastikan belanjawan yang dirangka adalah komprehensif dan dapat memenuhi keperluan stakeholder MPS.

Proses maklum balas serta cadangan dari penduduk ini akan berlangsung bermula

1 - 31 MAC 2024

20 responden bertuah bakal menerima hadiah wang tunai RM100.00* dengan menyertai kaji selidik ini. Sila klik pautan yang telah disediakan atau layari www.mps.gov.my

*Tertaluk terma dan syarat

TERAS PENGURUSAN



TERAS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)



TERAS PERKHIDMATAN



TERAS HASIL

